

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XIV)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

29. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai pelan stimulus untuk syarikat-syarikat MNC (Multi-National Companies) di Pulau Pinang?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

29. Krisis ekonomi global yang berlaku kebelakangan ini dan diburukkan lagi dengan krisis pandemik wabak COVID-19 telah memberi impak yang besar secara keseluruhannya kepada kegiatan ekonomi sektor perusahaan di Pulau Pinang termasuk kepada Syarikat Multinasional (MNC).

Walaupun Kerajaan Negeri tidak mempunyai pelan stimulus khusus untuk syarikat MNC, dalam sektor industri secara keseluruhan, Kerajaan Negeri melalui Invest Penang telah mengambil beberapa inisiatif sebagai langkah mitigasi bagi meminimakan kesan-kesan negatif akibat daripada situasi ini. Di antaranya adalah seperti berikut :-

- (i) Bekerjasama rapat dengan agensi berkaitan terutamanya MIDA dan MDEC, untuk mendapat maklumat terkini dan maklumat sekatan untuk kilang-kilang dan syarikat-syarikat yang beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);
- (ii) Berkommunikasi dengan syarikat-syarikat yang memerlukan penjelasan / nasihat untuk beroperasi dalam tempoh PKP;
- (iii) Mengadakan panggilan video / audio, bersama dengan pengurusan syarikat MNC mengenai perkembangan projek projek pelaburan mereka di Pulau Pinang; dan

- (iv) Memaklumkan dari semasa ke semasa kepada pelabur pelabur mengenai situasi wabak COVID-19 di Pulau Pinang khususnya dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menghalang penyebarannya.

Di samping itu, syarikat MNC boleh menikmati penangguhan tempoh pembayaran kepada Kerajaan Negeri yang melibatkan bayaran cukai petak atau cukai tanah daripada 31 Mei 2020 kepada 30 Ogos 2020.

Selain itu, kerajaan negeri melalui inisiatif yang dilaksanakan oleh Invest Penang akan terus menjalankan kerjasama rapat dengan syarikat MNC untuk mendapatkan semula keyakinan mereka di Pulau Pinang dan membantu mereka dalam operasi apabila situasi krisis wabak COVID-19 kembali pulih.

Langkah-langkah seperti mengukuhkan asas industri akan terus diberi perhatian agar dapat menarik syarikat-syarikat yang boleh membawa pelaburan yang berkualiti tinggi dari pelbagai segmen seperti membangunkan segmen peranti perubatan (medical device) yang menyediakan pertumbuhan industri yang konsisten dan tiada kitaran (consistent growth and non-cyclical) agar Pulau Pinang tidak terlalu bergantung kepada industri pembuatan yang “highly cyclical”.